



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHVAL UGAMA***

**DI MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1440 HIJRAH
PERINGKAT NEGARA**

**HARI ISNIN (MALAM SELASA),
1 MUHARRAM 1440H / 11 SEPTEMBER 2018M**

**BERTEMPAT
JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْنِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهٰهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien
Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Alhamdulillah kita memuji dan menyanjung tinggi kuasa Allah Subhanahu wa Ta'ala serta mensyukuri rahmat-Nya mengizinkan kita sekalian menyertai acara Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1440 ini.

Dan dengan penuh hormat lagi ta'azim pula - hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan mewakli Penasihat-Penasihat serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1440 Hijrah dan juga Jawatankuasa Peringkat Sambutan Majlis ini - dengan penuh hormat lagi ta'azim menyembahkan setinggi sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik berangkat ke majlis ini.

Disembahkan bahawa Majlis Sambutan yang bertemakan "Ilmu Dan Amal Nadi Wawasan Negara" ini kelihatannya sudah lazim dan acaranya juga rutin namun sangat bersignifikan bagi negara Brunei menyambut dan memperingatinya. Apatah lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan anakda-anakda serta adinda-adinda Kebawah Duli Tuan Patik serta keberangkatan dan kehadiran pembesar-pembesar negara.

Dengan itu sambutan ini menandakan sambutan kenegaraan terhadap suatu peristiwa bersejarah ugama Islam.

Maknanya kita senegara telah mensy'arkan ugama Islam yang dianuti turun termurun sejak lebih enam ratus tahun oleh raja dan pembesar-pembesar serta majoriti rakyat dan penduduknya.

Sepanjang tempoh yang panjang itu pula telah terbukti bahawa negara kita mendapat rahmat perlindungan Allah. Terutama sekali rahmat Allah mengekalkannya sebagai negara berpemerintahan beraja Melayu-Islam yang melaksanakan amanat Allah yang utama iaitu memelihara keutuhan ugama sebagai pegangan berkerajaan, dan kerajaan itu pula akan sentiasa memelihara kebijakan rakyatnya demi memangkin keamanan dan menjamin kesejahteraan bagi semua.

Hal ini dapat disimpulkan daripada mafhum firman Allah ayat (55) surah an-Nuur:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الظَّالِمِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُبَيِّنَنَّ لَهُمْ الَّذِي أَرَتَنَّهُمْ هُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Tafsirnya:

"Allah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih daripada kalangan kamu bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah (pemerintah yang berkuasa), di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka sebagai khalifah (pemerintah yang berkuasa), dan akan memantapkan agama mereka yang diredhaiNya untuk mereka dan akan menggantikan keamanan setelah mereka mengalami ketakutan. Mereka sentiasa beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekuatkuAku dengan satupun. Dan sesiapa yang kufur sesudah itu maka mereka itulah orang yang fasiq".

Atas landasan petunjuk Allah inilah negara kita mempunyai rangkaian perkhidmatan ugama di mana Kebawah Duli Tuan Patik dan kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik sangat memberi perhatian kepada aspek-aspek keugamaan dalam berpemerintahan demi memperteguh dan mengekalkan keamanan.

Oleh itu rancangan atau program keugamaan dalam perkhidmatan ugama kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik adalah dalam rangka atau *frame work* memupuk semangat dan amalan yang mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Usaha sedemikian adalah menepati hasrat negara yang Kebawah Duli Tuan Patik lakarkan dengan azam yang kuat iaitu menjadikan negara kita ini sebuah negara zikir, negara yang pemerintahannya dan rakyatnya adalah sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Tentu sahaja dalam proses ingat kepada Allah itu kita berusaha mengawal diri supaya dalam liku-liku kehidupan yang kita lalui kita patuh kepada hukum dan suruhan Allah, tidak melanggar larangan dan perintah Allah.

Maka sehubungan dengan itu sesungguhnya di masjid ini dalam majlis ini kita telah menghadapkan kepada Allah sejujurnya lafaz-lafaz do'a awal tahun dan akhir tahun pada menyatakan keinsafan bahawa kita hamba-Nya mengakui kelemahan-kelemahan, kecuian-kecuian bahkan keterlanjuran-keterlanjuran yang menyebabkan kita menyalahi ajaran Allah lalu dengan insaf kita mengakui bahawa kita berdosa kepada-Nya iaitu dosa yang melayakkan kita dihukumnya.

Dan yang sangat bermakna ialah kita juga insaf dan sedar menerusi pegangan 'aqidah bahawa Allah adalah Maha Pengampun lagi Pengasih [الْتَّوْبَةِ: 104] وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، [البَقْرَةِ: 173] إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ iaitu Allah sedia mengampunkan dan menerima taubat orang-orang yang memohon ampun dan bertaubat. Kerana itu juga kita segera memohon ampun.

Kesimpulannya ialah: dalam melangkah dan menyuruki gerbang tahun baharu sekarang ini kita sebenarnya telah melafazkan permohonan ampun kepada Allah atas keterlanjuran-keterlanjuran melangkahi batas-batas larangan-Nya. Dalam waktu yang sama kita memohon supaya dalam meneruskan perjalanan mengharungi liku-liku kehidupan sepanjang tahun baharu dan seterusnya kita diberi pula kekuatan melawan nafsu jahat dan bersungguh-sungguh mengubah perangai buruk dengan berbuat amal ibadah serta kebijakan yang lebih mendekatkan diri kita kepada Allah.

Aamiin ya Rab al-'Aalamiin.

Maka bagi menguat dan mengukuhkan lagi *istighfar* kita itu kita menganjurkan pula amalan membaca lafaz-lafaz yang disebutkan sebagai *Sayidul Istighfar* atau *Penghulu Istighfar*. Kita memulakannya dengan majlis sambutan ini untuk diikut-pakai pada majlis-majlis lainnya nanti.

Kita melakukannya bagi faedah keselamatan diri dan keluarga serta mesyarakat, bagi perlindungan ke atas negara dan kerajaan serta rakyat,

bagi melepaskan dari kemurkaan Allah akibat perbuatan-perbuatan melanggar ajaran Allah, cuai dan leka bahkan terlanjur melangkahi batas-batas larangan Allah.

In syaa Allah kita tidak akan dihamparkan, sesuai dengan janji Allah Subhanahu wa Ta'ala yang difirmankanNya:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَعْذِّبُهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبُهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

Tafsirnya:

“Dan Allah sekali-kali tidak akan menyeka mereka selama engkau (wahai Muhammad) berada dikalangan mereka (di negeri Mekah). Dan Allah sekali-kali tidak akan menyeka mereka selama mereka beristighfar (memohon ampun)”. [Surah al-Anfaal: 33]

Demikianlah disembahkan. Dan sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas keberangkatan ke majlis ini. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini sangat merangsang semangat sekalian yang bertanggungjawab dan menyumbang tenaga, masa dan fikiran bagi menjayakan majlis ini sesempurna yang mungkin.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menyembahkan sembah junjung kasih di atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan

sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Amin ya rabbal 'alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
Selasa 1hb Muharram 1440/11hb September 2018